



22 November 2023

KENYATAAN MEDIA PAC

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini mendengar taklimat daripada **Ketua Audit Negara, YBhg Datuk Wan Suraya Wan Radzi** berhubung 3 Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dibentangkan di Dewan Rakyat iaitu:-
 - i. LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan;
 - ii. LKAN Tahun 2022 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan; dan
 - iii. LKAN Tahun 2022 mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar.
2. PAC ingin mengucapkan terima kasih kepada **YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi**, Ketua Audit Negara (KAN) dan pasukan Jabatan Audit Negara atas pembentangan yang komprehensif kepada PAC.
3. Pada masa sama, PAC juga ingin mengucapkan tahniah kepada JAN yang membangkitkan isu-isu dalam LKAN yang dikenal pasti mempunyai aspek-aspek ketidakpatuhan terhadap **prosedur, tatacara** serta **tatakelola** Kerajaan.

4. Semoga jalinan kerjasama dan persefahaman baik di antara PAC dan JAN dapat diteruskan dalam memastikan perbelanjaan dan kewangan Kerajaan digunakan secara berhemah dan memberikan pulangan terbaik kepada rakyat dan negara.
5. Berhubung LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan, pengauditan membabitkan sebanyak **14 Kementerian** dengan **16 laporan** dilaporkan serta **55 syor audit** dikemukakan dengan jumlah keseluruhan pengauditan berjumlah **RM208.882 bilion**.
6. Manakala bagi LKAN Tahun 2022 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan, ia membabitkan **6 syarikat daripada 3 Kementerian**.
7. Selain itu, JAN juga membentangkan pengauditan khas terhadap **Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar**.
8. Bagi prosiding PAC untuk isu-isu di LKAN Tahun 2022, PAC akan memberikan tumpuan kepada tajuk-tajuk yang dikenal pasti mempunyai unsur **3P** iaitu **Penyelewengan, Penyalahgunaan Kuasa** dan **Pembaziran** serta **1K** iaitu **Kecuaian**.
9. Berikutan itu, PAC telah membuat keputusan untuk memanggil Kementerian Kewangan untuk memberikan penjelasan berhubung **Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)** pada **Khamis depan, 30 November 2023**.
10. PAC akan memaklumkan daripada semasa ke semasa bagi tajuk lain untuk prosiding PAC.

11. Pada masa sama, Ketua Audit Negara turut memaklumkan bahawa Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Audit 1957 tahun depan dan PAC memohon Kerajaan untuk memasukkan **peranan dan tanggungjawab PAC** dalam pindaan akta ini

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen**